

## **Tun M gesa Anwar Ibrahim dibebaskan**

**SelangorKini.my**

**Disember 13, 2017**

SHAH ALAM, 13 DIS : Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim segera dibebaskan daripada penjara memandangkan beliau mempunyai masalah kesihatan serius.

Beliau membuat gesaan itu dalam satu kenyataan bersama peguam hak asasi manusia dari Amerika Syarikat, Kimberly Motley.

Motley kini berada di Kuala Lumpur dan mengadakan pertemuan dengan Mahathir bagi membincangkan keadaan semasa Anwar.

“Kami mengadakan pertemuan semalam dan bersetuju supaya Anwar segera dibebaskan dari penjara kerana beliau kini berada di hospital menjalani rawatan perubatan jangka panjang.

“Beliau dijadualkan bebas pada bulan Jun 2018 malah keadaan kesihatannya kini menjadi kebimbangan buat keluarganya, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling,” kata mereka dalam kenyataan bersama petang ini.

Mahathir dan Motley berkata, Anwar memerlukan rawatan dengan baik namun beliau terhalang kerana penahanannya.

“Beliau sudah menanggung hukuman penjara lebih daripada 34 bulan.

“Kami menggesa kerajaan dapat mempertimbangkan permintaan ini demi keadilan dan hubungan antarabangsa Malaysia,” kata mereka.

**© Copyright 2016 - Developed for the People of Selangor**

Source: <https://selangorkini.my/2017/12/tun-m-gesa-anwar-ibrahim-dibebaskan/>